

بَابُ فَضْلِ الصَّلَاةِ لَوَقْتِهَا

87- Bab Kelebihan Bersembahyang Pada Waktunya.⁸⁹²

berpandukan ayat 114 Surah Huud yang tersebut di dalam hadits di atas. (6) Kerana sifat Maha Pengampun dan Maha Menerima taubatlah Allah menetapkan dosa-dosa yang dilakukan manusia itu dapat dihapuskan oleh amalan-amalan kebajikan yang dilakukannya. (7) Seseorang tidak akan dikenakan hukuman had kerana dosa-dosa kecil yang dilakukannya, seperti mencium perempuan bukan mahram, meraba atau memegangnya dan lain-lain. Perbuatan seperti itu termasuk dalam lamam (kesilapan-kesilapan kecil yang seseorang terlanjur melakukannya) yang boleh dihapuskan oleh amalan-amalan kebajikan yang menyusulinya, dengan syarat dosa-dosa besar dihindari. Ibnu al-Munzir malah menyimpulkan daripada ayat 114 Surah Huud dan hadits di atas bahawa orang yang didapati berada dalam satu kain dengan perempuan asing juga tidak dikenakan hukuman had. (8) Hukuman ta'zir juga tidak diperlukan untuk kesalahan-kesalahan seperti itu, terutamanya kepada orang yang telah bertaubat dan menyesali perbuatannya. (9) Konsep dosa besar dan dosa kecil itu berpunca daripada al-Qur'an dan as-Sunnah juga. Istilah الكبائر digunakan untuk dosa-dosa besar dan istilah السَّيِّئَاتِ atau الخطايا pula digunakan untuk dosa-dosa kecil. (10) Sembahyang fardhu lima waktu itu sendiri sudah dikira sebagai taubat seseorang daripada dosa-dosa kecilnya. (11) Pintu taubat masih sentiasa terbuka. Taubat seseorang tetap diterima sekiranya ia dilakukan dengan hati yang ikhlas. (12) Kebanyakan hukum Islam ditujukan kepada umat secara keseluruhannya.

⁸⁹² Pada zahirnya tajuk bab yang dibuat Bukhari ini berlainan daripada hadits yang dikemukakan beliau di bawahnya. Di dalam hadits di bawahnya apabila 'Abdullah bin Mas'ud bertanya: "Apakah amalan yang paling disukai Allah?" Nabi s.a.w. menjawab: *الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا* (bersembahyang dengan betul-betul menjaga waktunya). Sering kali dalam membuat sesuatu tajuk bab, Bukhari menjaga sangat lafaz hadits di bawahnya. Kenapa pula di sini beliau mengelak daripada lafaz hadits yang asal? Kenapa beliau menukar *عَلَى* dengan *لَ*? Atau ada sesuatu rahsia di sebaliknya? Al-Kirmaani dan al-'Aini berpendapat, haraf jarr yang sepatutnya digunakan di sini ialah *فِي*, kerana majrurnya (*وَقْتُهَا*) adalah zaraf bagi *الصَّلَاةِ* (sembahyang) yang tersebut sebelumnya. Berhubung dengan kenapa Bukhari tidak menggunakan perkataan *فِي* menurut yang sepatutnya atau perkataan *عَلَى* sebagaimana yang tersebut di dalam hadits di bawahnya, al-'Aini menjawab dengan mengatakan bahawa: (1) Menurut tokoh-tokoh ilmu Nahu Kufah, huruf-huruf jarr itu harus ditukar ganti sesamanya. Haraf *عَلَى* dan *لَ* sering kali dipakai dengan ma'na *فِي*. Haraf *فِي* juga sering dipakai dengan ma'na *عَلَى* atau *لَ*. Antara contoh penggunaan *لَ* di tempat yang asalnya digunakan *فِي* ialah dua firman Allah ini:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالُ حَبٍّ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَنِيسًا ﴿١٧﴾

Bermaksud: Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya barang sedikitpun; dan jika (amalan itu) hanya seberat biji sawipun pasti Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitungkan); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung. (al-Ambiyaa':47). *لَ* pada perkataan *لِيَوْمِ* di dalam ayat ini telah dipakai dengan ma'na *فِي*.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ﴿١﴾

Bermaksud: Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya (Muhammad) Al-Kitab (Al-Quran) dan Dia tidak memasukkan kebengkokan (ajaran yang terpesong dan melencong daripada kebenaran) di dalamnya. (al-Kahfi:1). *لَ* pada *لَهُ* di dalam ayat ini juga telah dipakai dengan ma'na *فِي*. Orang-orang Arab dalam muhawarah (simpulan bahasa) mereka selalu menggunakan *مَضَى لِسَبِيلِهِ* (Ia telah mati, meninggal dunia, lenyap, pupus atau berlalu) dengan *لَ*

pada *مَضَى فِي* dipakai mereka dengan ma'na *في*. Keadaannya sama juga dengan kata mereka *مَضَى فِي* . *سَبِيلُهُ* juga sering kali digunakan dengan ma'na *على*. Kalau begitu tidak salahlah kalau Bukhari mengatakan *بَابُ فَضْلِ الصَّلَاةِ لَوْقَتِهَا* , kerana ia sama juga dengan apa yang tersebut di dalam hadits. Seolah-olahnya tajuk bab Bukhari itu begini adanya: *بَابُ فَضْلِ الصَّلَاةِ عَلَى وَقْتِهَا* . Antara contoh penggunaan *ل* dengan ma'na *على* ialah dua firman Allah ini:

وَيُخْرُونَ لِلْأَذْقَانِ يَبْكُونَ وَيَزِيدُهُمْ خُشُوعًا ﴿١٠٩﴾

Bermaksud: dan mereka menyungkur atas muka mereka sambil menangis dan mereka bertambah khusyu'. (al-Israa':109). *ل* pada *لِلْأَذْقَانِ* di dalam ayat ini telah dipakai dengan ma'na *على* (atas).

فَلَمَّا أَتَمَّوْا وَلَهُمُ اللَّجَيْنِ ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: Tatkala keduanya telah berserah diri dan Ibrahim membaringkan anaknya atas pelipis(nya), (nyatalah kesabaran keduanya). (as-Shaaffaat:103). *ل* pada *لِلجَيْنِ* di dalam ayat ini juga telah dipakai dengan ma'na *على* (atas). (2) *ل* yang dipakai Bukhari di dalam tajuk bab itu dipanggil *لام التأكيد والتاريخ* , iaitu *ل* yang menunjukkan bermulanya waktu atau tarikh sesuatu. *ل* dengan ma'na ini telah digunakan oleh Allah di dalam al-Qur'an. Lihatlah sebagai contohnya firman Allah di bawah ini:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ وَاتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ

Bermaksud: Wahai Nabi! apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu...(at-Thalaaq:1). Maksud firman Allah: *(فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ)* أي وقتها وهو الطهر “maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya” ialah pada masa mereka suci daripada haidh dan belum disetubuhi. Menurut al-Qasthallaani, *ل* yang terletak sebelum perkataan yang menunjukkan masa, sering kali dipakai sebagai *لام التأكيد والتاريخ*. Orang yang menganggap perkataan *عِدَّة* di dalam firman Allah dipakai dengan erti haidh pula menggantungkan *ل* sebelumnya dengan sesuatu yang mahzuf seperti perkataan *مُسْتَقْبَلَات* (dalam keadaan mereka sudah mula menghadapi masa haidh yang akan dikira sebagai `iddah mereka) misalnya. Jadi Taqdir kalam Allah itu di sisi mereka ialah *(فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ)* أي حال كونهن مُسْتَقْبَلَاتٍ لِعَدَّتِهِنَّ وهي الحيض. Maksud Bukhari dengan tajuk bab yang dibuatnya ini ialah Bab Kelebihan Bersembahyang Selepas Mula Masuk Waktunya. Oleh kerana perkataan *على* yang mengandungi ma'na *isti'laa'* itu boleh mewahamkan (menimbulkan kekeliruan tentang) kelebihan bersembahyang sebelum masuk waktu sembahyang, Imam Bukhari menukarnya dengan perkataan *ل* untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul itu. (3) Memang ada hadits pun yang telah menggunakan perkataan *ل* sebelum perkataan *وقتها*. Menerusi tajuk bab ini Imam Bukhari sebenarnya mahu mengisytarkan kepada hadits itu. Maksud beliau ialah kedua-duanya betul. Kedua-duanya adalah berlandaskan hadits yang sahih. Imam Bukhari sendiri telah meriwayatkannya di dalam kitab Sahihnya ini di bawah *بَابُ وَاسْمِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ عَمَلًا وَقَالَ لَا حَدَّثَنِي سُلَيْمَانُ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ الْوَلِيدِ ح وَحَدَّثَنِي عَبْدُ بْنُ يَعْقُوبَ .* Berikut adalah haditsnya: *صَلَاةُ لِمَنْ لَمْ يَفْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ الْأَسَدِيِّ أَخْبَرَنَا عَبْدُ بْنُ الْعَوَّامِ عَنْ الشَّيْبَانِيِّ عَنْ الْوَلِيدِ بْنِ الْعِزَّارِ عَنْ أَبِي عَمْرٍو الشَّيْبَانِيِّ عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ قَالَ الصَّلَاةُ لَوْقَتِهَا وَبَرُّ الْوَالِدَيْنِ ثُمَّ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ*. Hadits ini selain Bukhari, diriwayatkan juga oleh Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Hibbaan. Demikianlah keterangan al-'Aini dengan sedikit pengubahsuaian oleh penulis. Bagi Syeikh Zakariya, tajuk bab seperti ini dipanggil *ترجمة شارحة* iaitu tajuk bab yang dibuat dengan maksud menjelaskan sesuatu yang tersebut di dalam hadits di bawahnya. Perkataan *على* yang mengandungi ma'na *isti'laa'* itu memang boleh mewahamkan (menimbulkan kekeliruan tentang) kelebihan bersembahyang sebelum masuk waktu sembahyang. Itulah sebabnya Imam Bukhari menukarnya dengan perkataan *ل*. Bagi penulis sama ada perkataan *على* atau *ل*, kedua-duanya memang telah terbukti adanya di dalam sekian banyak hadits-hadits yang sahih. Kedua-duanya telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan maksud menarik perhatian umatnya supaya bersembahyang dengan

٤٩٦ - حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ هِشَامُ بْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ الْوَلِيدُ بْنُ الْعِزَّارِ أَخْبَرَنِي قَالَ سَمِعْتُ أَبَا عَمْرٍو الشَّيْبَانِيَّ يَقُولُ حَدَّثَنَا صَاحِبُ هَذِهِ الدَّارِ وَأَشَارَ إِلَى دَارِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ قَالَ الصَّلَاةُ عَلَى وَفَّيْهَا قَالَ ثُمَّ أَيُّ قَالَ ثُمَّ بَرُّ الْوَالِدَيْنِ قَالَ ثُمَّ أَيُّ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي يَحْيَى وَلَوْ اسْتَرْزَدْتُهُ لَزَادَنِي

496- Abu al-Walid Hisyam bin 'Abdul Malik (at-Thayaalisi al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah (bin al-Hajjaaj) meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Walid bin al-'Aizaar (bin Huraits al-Kufi) meriwayatkan kepadaku, katanya: Saya telah mendengar Aba 'Amar asy-Syaibaani (Sa'id bin Iyaas) berkata: Tuan rumah ini telah meriwayatkan kepada kami - sambil dia mengisyaratkan ke rumah Abdullah (bin Mas'ud) - Kata 'Abdullah (bin Mas'ud): "Pernah saya bertanya Nabi s.a.w.: "Apakah amalan yang paling disukai oleh Allah?"⁸⁹³ Baginda menjawab: "Bersembahyang pada waktunya (dengan betul-betul menjaga waktunya)." Tanya 'Abdullah seterusnya: "Kemudian apa pula?" Baginda menjawab: "Berbuat baik kepada kedua ibu bapa." 'Abdullah bertanya lagi: "Kemudian apa pula?" Baginda menjawab: "Berjihad di jalan

menjaga waktu mustahab dan waktu afdhalnya. Paling tidak pun dengan menjaga waktu harus atau waktu tunainya. Anjuran Rasulullah s.a.w. itu sesuai benar dengan firman Allah ini:

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

Bermaksud: Jagalah betul-betul (waktu) semua sembahyang(mu), dan (waktu) sembahyang wusthaa (khususnya); dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan khususy. (al-Baqarah:238). Itulah maksud tajuk bab di atas menurut pandangan penulis. والله أعلم بالصواب.

⁸⁹³ Berdasarkan riwayat Malik bin Mighwal daripada al-Walid bin al-'Aizaar yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah فَضْلُ الْجِهَادِ وَالسَّيْرِ nanti, di tempat أَحَب (paling disukai) ini tersebut perkataan أَفْضَل (paling afdhal atau utama). Untuk lebih jelas, saya kemukakan riwayat itu di sini: حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ صَبَّاحٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سَابِقٍ حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ مَعْوَلٍ قَالَ سَمِعْتُ الْوَلِيدَ بْنَ الْعِزَّارِ ذَكَرَ عَنْ أَبِي عَمْرٍو الشَّيْبَانِيَّ قَالَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلْتٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ قَالَ الصَّلَاةُ عَلَى مِيقَاتِهَا فَلْتٌ ثُمَّ أَيُّ قَالَ ثُمَّ بَرُّ الْوَالِدَيْنِ فَلْتٌ ثُمَّ أَيُّ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَسَكَتَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَوْ اسْتَرْزَدْتُهُ لَزَادَنِي. Hafiz Ibnu Hajar bahkan mengatakan, kebanyakan perawi meriwayatkan lafaz أَفْضَل di sini. Kalau Ibnu Mas'ud sememangnya bertanya dengan menggunakan lafaz أَفْضَل, maka lafaz أَحَب di dalam riwayat bab ini merupakan malzumnya. Maksudnya ialah anda semestinya menerima apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. secara tertib melalui jawapan Baginda s.a.w. terhadap soalan Ibnu Mas'ud sebagai amalan yang paling disukai Allah (malzum), apabila anda menerimanya sebagai yang paling afdhal atau yang paling utama (lazim). Demikian juga sebaliknya, anda semestinya menerima apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. secara tertib melalui jawapan Baginda s.a.w. terhadap soalan Ibnu Mas'ud itu sebagai amalan yang paling afdhal atau utama (malzum), apabila anda menerimanya sebagai amalan yang paling disukai Allah (lazim). Ringkasnya, menurut Hafiz Ibnu Hajar, nisbah atau hubungan di antara kedua-dua lafaz yang tersebut di dalam dua riwayat itu adalah nisbah lazim dan malzum.

Allah.”⁸⁹⁴ Kata `Abdullah: Nabi s.a.w. menjawab semua pertanyaan saya itu. Sekiranya saya terus bertanya, niscaya dia akan terus menjawab lagi.⁸⁹⁵

⁸⁹⁴ Jawapan Rasulullah s.a.w. kepada Ibnu Mas`ud ini sekali pandang kelihatan bercanggah dengan jawapan-jawapan lain yang diberikan oleh Baginda kepada soalan yang sama. Soalan seperti ini sebenarnya pernah diajukan oleh beberapa orang sahabat lain selain Ibnu Mas`ud. Di bawah ini dikemukakan beberapa hadits yang mengandungi soalan yang betul-betul sama dengan soalan Ibnu Mas`ud di atas atau lebih kurang sama dengannya, tetapi jawapan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. pula berbeza-beza: (1) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (1) Bermaksud: Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah ditanya (seseorang): “Apakah amalan yang paling afdhal / utama?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Percaya kepada Allah dan rasulNya.” Baginda ditanya lagi: “Kemudian apa?” Jawab Baginda lagi: “Berjihad di jalan Allah.” Rasulullah s.a.w. terus ditanya: “Kemudian apa?” Jawab Baginda s.a.w. seterusnya: “Haji yang mabrur (yang diterima Allah).” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Tirmizi, Nasaa’i dan lain-lain). (2) عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ قَالَ أَنْوَمُهُ وَإِنْ قَلَّ (2) Bermaksud: `Aaisyah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya: “Apakah amalan yang paling disukai Allah?” Jawab Baginda s.a.w.: “Yang sentiasa dikerjakan walaupun sedikit.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad dan Abu Ya`la). (3) عَنْ أَبِي أُمَامَةَ أَنَّهُ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (3) Bermaksud: Abu Umaamah meriwayatkan bahawa beliau pernah bertanya Rasulullah s.a.w.: “Apakah amalan yang paling afdhal?” Jawab Baginda s.a.w.: “Berpuasalah, kerana sesungguhnya tiada amalan setanding dengannya.” (Hadits riwayat an-Nasaa’i). (4) عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ قَالَ تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ (4) Bermaksud: `Abdullah bin `Amar r.a. meriwayatkan bahawa pernah seorang lelaki bertanya Nabi s.a.w.: “Apakah (ajaran / amalan) Islam yang paling baik?” Jawab Nabi s.a.w.: “Engkau memberi makan (kepada yang memerlukan) dan memberi salam kepada orang yang engkau kenali dan tidak engkau kenali. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa’i, Ibnu Hibbaan, Ibnu Majah dan Baihaqi di dalam Syu`ab al-Imaan). (5) عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ قَالَ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ (5) Bermaksud: Abu Musa al-Asy`ari meriwayatkan, katanya: Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah (perangai orang) Islam yang paling utama?” Jawab Baginda: “(Perangai) Orang (Islam) yang mana orang-orang Islam lain selamat daripada (gangguan) lidah dan tangannya.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim dan Abu Daud at-Thayaalisi di dalam Musnadnya). Para `ulama’ telah mengemukakan beberapa sebab berhubung dengan kenapakah jawapan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap soalan yang sama itu berbeza-beza. Jika ia diletak di hadapan, niscaya akan hilanglah pertentangan dan percanggahan akibat daripada pandangan sepintas lalu itu. Antaranya ialah: (1) Keperluan orang-orang yang bertanya itu berbeza-beza. Orang yang bertanya itu misalnya mempunyai ibu bapa yang perlu diuruskan kehidupannya, maka amalan yang paling utama dilakukannya ialah berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Kalau dia seorang yang jahil, maka belajarlah amalan yang paling afdhal untuk dirinya. (2) Kecenderungan, minat atau kebolehan dan kelayakan orang-orang yang bertanya berbeza-beza. Kepada seorang yang berani dan gagah perkasa, berjihadlah amalan yang paling baik dilakukannya. Kepada yang kaya raya pula, memberi makan kepada orang-orang yang memerlukan atau menyumbang harta benda di jalan Allahlah yang paling utama dibuatnya. (3) Masa atau tempat dikemukakan soalan tidak sama. Ketika perang atau negara diancam musuh, jihadlah amalan terbaik. Dalam masyarakat yang miskin dan susah pula, bersedekah adalah amalan yang paling afdhal. (4) Soalan difahami Nabi s.a.w. sebagai berkaitan dengan bahagian amalan yang tertentu, seperti yang berkaitan dengan

tubuh badan semata-mata atau akhlaq dan budi pekerti semata-mata atau lain-lain lagi. Puasa misalnya adalah amalan yang paling baik dan paling berkesan dalam mendidik jiwa manusia. Ia merupakan satu amalan yang dapat menghiiasi diri manusia dengan pekerti-pekerti yang luhur. (5) Jawapan Nabi s.a.w. bahawa amalan tertentu adalah paling baik dan utama mungkin juga mengambil kira anggota yang mengamalkan sesuatu amalan. Beriman kepada Allah dan rasul misalnya adalah sebaik-baik amalan hati. Bersedekah adalah amalan paling afdhal berkait dengan harta benda. Zikrullah adalah amalan lidah yang paling afdhal. Sembahyang pula misalnya adalah amalan yang melibatkan semua anggota badan yang paling utama dan paling istimewa. (6) Jawapan Nabi s.a.w. juga mungkin mengambil kira sudut pahala yang akan diperolehi seseorang. Bersembahyang fardhu yang lima pada waktu-waktu afdhalnya merupakan amalan yang paling besar pahalanya. Berterusan melakukan sesuatu amalan, walaupun dalam kadar yang sedikit tetap mendatangkan pahala yang banyak. Kerana itu ia adalah satu tabi'at dan kebiasaan yang paling disukai Allah. (7) Jawapan Nabi s.a.w. adakalanya mengambil kira tahap dan kedudukan sesuatu amalan pada pandangan agama. Sembahyang lima waktu misalnya adalah sesuatu yang difardhukan ke atas setiap orang Islam (fardhu 'ain). Ia mempunyai kelebihan yang sangat banyak. Kedudukannya di sisi agama pula sangat tinggi. Dalam senarai rukun Islam ia merupakan yang kedua selepas syahadah. Berbuat baik kepada kedua ibu bapa pula adalah satu kewajipan dan salah satu bentuk kesyukuran yang diperintahkan oleh Allah di dalam al-Qur'an selepas diperintahNya manusia supaya mereka mensyukuriNya. Lihatlah firman Allah ini:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْتًا عَلَى وَهْنٍ وَفَضَّلَهُ فِي عَمَيْنِ أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلَوْلَا ذَلِكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿٨١﴾

Bermaksud: dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga ke akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (kamu untuk menerima balasan). (Luqman:14). Berjihad untuk menegakkan ugama Allah walaupun merupakan salah satu kewajipan umat Islam dan ia adalah satu amalan yang sangat tinggi kedudukannya di sisi agama, tetapi ia tidak wajib setiap masa. Kerana itulah kedudukannya terletak selepas bersembahyang pada waktunya dan berbuat baik kepada dua ibu bapa. Hakikat ini terbukti juga menerusi satu hadits yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash, kata beliau: جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فاستأذنه في الجهاد فقال أخى. Bermaksud: Pernah Nabi s.a.w. didatangi seorang lelaki. Dia meminta izin kepada Baginda untuk keluar berjihad. Nabi s.a.w. bertanya (dia): "Adakah kedua ibu bapamu masih hidup?" Jawab lelaki itu: "Ya." Maka bersabdalah Baginda: "Untuk mereka berdualah engkau berjihad (berkhidmat terlebih dahulu). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Baihaqi, Thabaraani dan lain-lain). (8) Mungkin juga shighah tafdhil yang digunakan di sini tidak dipakai dengan ma'na asalnya. Ia hanya menunjukkan kepada kelebihan sahaja tanpa membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. (9) Ada juga 'ulama' berpendapat bahawa perkataan من telah dibuang sebelum perkataan أحب، أفضل atau خير dan sebagainya. Walaupun dibuang ia dikira seperti ada juga. Maka jawapan Rasulullah s.a.w. di dalam hadits Abi Umaamah ini أفضل قال عليك بالصوم perlu ditaqdirkan misalnya dengan من أفضل العمل أو الأعمال أن تلتزم الصوم (antara amalan yang paling afdhal ialah engkau selalu berpuasa). **Berhubung dengan kenapakah Rasulullah s.a.w. menyebutkan secara khusus tiga perkara ini di dalam hadits di atas?** 'Al-Aini menjawabnya dengan berkata: "Tiga perkara ini adalah amalan yang paling afdhal selepas beriman kepada Allah dan rasulNya. Orang yang mengabaikan sembahyang yang merupakan tiang agama dalam keadaan tahu kelebihannya, tentu akan lebih bermudah-mudah dan mengabaikan suruhan-suruhan agama yang lain-lain lagi. Orang yang tidak dapat berbuat baik kepada dua ibu bapanya, tentulah lebih-lebih lagi dia tidak akan dapat menjaga hak-hak Allah yang lain. Demikian juga dengan orang yang tidak sanggup berjihad di jalan Allah

dalam keadaan mampu dan cukup syarat-syarat kewajipannya, tidak akan sanggup juga melakukan amalan-amalan lain yang dapat menghampirkan dirinya kepada Allah s.w.t. Pendek kata orang yang dapat menjaga tiga perkara itu, akan dapat menjaga perkara-perkara lain juga. Dan orang yang tidak dapat menjaganya pula, tentu lebih-lebih lagilah dia tidak akan dapat menjaga perkara-perkara lain.”

⁸⁹⁵ Apakah pertanyaan `Abdullah seterusnya, jika ditanyakan dia bertanya? Mungkin pertanyaan seperti itu juga. Pertanyaan tentang darjat-darjat kelebihan amalan-amalan selain yang tersebut itu. Mungkin juga soalan-soalan dalam bentuk lain yang diperlukan. Kenapa pula agaknya `Abdullah tidak terus bertanya? Jawabannya boleh anda dapati di dalam riwayat berikut ini: حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُسْهِرٍ عَنْ الشَّيْبَانِيِّ عَنْ الْوَلِيدِ بْنِ الْعِزَّارِ عَنْ سَعْدِ بْنِ إِسَاسٍ أَبِي عَمْرٍو الشَّيْبَانِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ قَالَ الصَّلَاةُ لَوْفِهَا قَالَ قُلْتُ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ قَالَ قُلْتُ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ فَمَا تَرَكْتُ أَسْتَرْيِدُهُ إِلَّا إِرْعَاءَ عَلَيْهِ

Bermaksud: Kata Ibnu Mas`ud: Pernah aku bertanya Rasulullah s.a.w.: “Apakah amalan yang paling afdhal?” Baginda menjawab: “Bersembahyang pada waktunya.” Aku bertanya seterusnya: “Kemudian apa pula?” Baginda menjawab: “Berbuat baik kepada kedua ibu bapa.” Aku bertanya lagi: “Kemudian apa pula?” Baginda menjawab: “Berjihad di jalan Allah.” Tidak aku berhenti daripada terus bertanya melainkan kerana menjaga hatinya.” (Hadits riwayat Muslim, Ibnu Abi Syaibah dan al-Bazzaar). Selain di sini Imam Bukhari telah mengemukakan hadits Ibnu Mas`ud di atas pada empat yang lain. Pertamanya di dalam Kitab al-Adab. Keduanya di dalam Kitab al-Jihad. Ketiga dan keempatnya di dalam Kitab at-Tauhid. Muslim, Ahmad, Tirmizi, Nasaa`i, Baihaqi, at-Thabaraani, Ibnu Hibbaan, Abu `Awaanah, Abu Ya`la dan lain-lain. Antara pengajaran, pedomam dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Amalan yang paling disukai Allah ialah bersembahyang pada waktunya. Kemudian berbuat baik kepada dua ibu bapa. Kemudian berjihad di jalan Allah. Bagaimanapun kesemuanya tetap bergantung pada keimanan kepada Allah dan rasulNya. Ini kerana segala ibadat itu merupakan cabang kepada `aqidah dan keimanan. (2) Soalan Ibnu Mas`ud itu diajukan untuk mengetahui amalan-amalan yang berkaitan dengan tubuh badan semata-mata. Ia tidak ada kena mengena dengan amalan hati. Amalan hati yang paling utama ialah beriman kepada Allah dan RasulNya. Perkara ini disebut Rasulullah s.a.w. di dalam hadits yang lain. (3) Amalan-amalan itu tidak sama darjatnya. Kedudukannya berbeza-beza dilihat daripada segi sejauh mana ia dapat menghampirkan seseorang kepada Allah, menafa`atnya dan juga relevansinya. (4) Sesuatu amalan akan dianggap lebih jika ia disukai Allah. (5) Suka, redha, kasih dan sayang adalah sebahagian daripada sifat-sifat Allah. Ia perlu diterima selayaknya untuk Allah. (6) Kelebihan bertanya dalam usaha mendapat ilmu. (7) Keharusan bertanya tentang amalan yang paling afdhal atau paling disukai Allah. (8) Keharusan memberitahu tentang sesuatu yang tidak berlaku bahawa kalau ia berlaku, niscaya begini-begini jadinya secara andaian semata-mata. (9) Kewajipan berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kelebihannya, walaupun mereka kafir. (10) Keharusan bertanya beberapa masalah dalam masa dan majlis yang sama (11) Keperluan menjaga hati guru dengan tidak banyak menyoalnya atau ketika melihat dia dalam keletihan dan kelesuan. (12) Isyarat yang memberi faham boleh diguna dan diterima pakai sama ada dalam bab hukum atau selainnya.

بَابُ الصَّلَاةِ الْخَمْسَةِ كَفَّارَةً لِلْخَطَايَا إِذَا صَلَّاهُنَّ لَوْ قَبْلَ فِي الْجَمَاعَةِ وَغَيْرِهَا

88- Bab Sembahyang Lima Waktu Itu Adalah Penghapus Dosa-Dosa Jika Seseorang Itu Mengerjakannya Pada Waktunya (Sama Ada) Dengan Berjema'ah Atau Tidak.⁸⁹⁶

٤٩٧ - حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ حَمْرَةَ قَالَ حَدَّثَنِي ابْنُ أَبِي حَازِمٍ وَالدَّرَاوَزِيُّ عَنْ يَزِيدَ يَعْنِي بَنَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْهَادِ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَنَّ نَهْرًا يَبَازِ أَحَدَكُمْ يَغْتَسِلُ فِيهِ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسًا مَا تَقُولُ ذَلِكَ يُبْقِي مِنْ ذَنْبِهِ قَالُوا لَا يُبْقِي مِنْ ذَنْبِهِ شَيْئًا قَالَ فَذَلِكَ مِثْلُ الصَّلَاةِ الْخَمْسِ يَمْحُو اللَّهُ بِهِ الْخَطَايَا

497- Ibrahim bin Hamzah (bin Muhammad bin Hamzah az-Zubairi al-Madani m.) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Abi Hazim ('Abdul 'Aziz. Nama Abi Hazim ialah Salamah bin Dinar al-Madani) dan ad-Darawardi ('Abdul 'Aziz bin Muhammad bin 'Ubaid m.189H) meriwayatkan kepada saya (berdasarkan riwayat Abi Zarr, kepada kami) daripada Yazid iaitu Ibnu 'Abdillah bin al-Haad (m.139H) daripada Muhammad bin Ibrahim (at-Taimi m.120H) daripada Abi Salamah bin 'Abdir Rahman (bin 'Auf) daripada Abi Hurairah bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

⁸⁹⁶ Tajuk bab di atas dengan lengkap seperti yang tersebut itu adalah berdasarkan riwayat Kusumayhani. Riwayat inilah yang dipakai dalam Sahih Bukhari cetakan India dan Pakistan. Dalam kebanyakan riwayat, ia hanya terhenti setakat كَفَّارَةً لِلْخَطَايَا. Riwayat ini dipakai oleh al-Kirmaani, al-Qasthallaani dan lain-lain. Sementara dalam riwayat al-Ashili dan Abi Zarr pula di sini langsung tidak ada bab. Riwayat mereka berdua itu dipakai oleh Ibnu Batthaal dan pengikut-pengikutnya. Di dalam nuskah yang dipakai Hafiz Ibnu Hajar, di sini hanya terdapat bab tanpa tajuk. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, tajuk bab ini lebih khusus berbanding باب الصلاة كفارة yang tersebut sebelum ini. Oleh sebab itu tidak berlakulah pengulangan tajuk bab. Orang-orang yang menerima tajuk bab ini lengkap seperti di atas terbahagi kepada dua kumpulan. **Pertama** ialah kumpulan yang menganggap sembahyang lima waktu itu baru menjadi kaffarah apabila ia dikerjakan dalam waktu-waktunya. **Kedua** ialah kumpulan yang menganggap sembahyang lima waktu itu tetap menjadi kaffarah, sama ada ia dikerjakan secara berjema'ah atau secara bersendirian. Penulis lebih bersetuju dengan pendapat kumpulan kedua atas alasan bab sebelumnya iaitu باب الصلاة كفارة meskipun tidak mengandungi qaid (ikatan) yang tersebut di dalam bab ini (iaitu jika seseorang itu mengerjakannya pada waktunya), namun tentulah qaid itu ada juga di sana. Kalau tidak apa tujuannya Bukhari meletakkannya di bawah Kitab Waktu-Waktu Sembahyang? "Bab Kelebihan Bersembahyang Pada Waktunya" yang baru lepas sebelum ini juga jelas mengandungi qaid itu. Hadits yang telah dikemukakan di bawahnya juga mengandungi qaid tersebut. Tetapi jika diambil kira riwayat al-Ashili dan Abi Zarr di mana menurut riwayat mereka berdua di sini langsung tidak ada bab, maka hadits di bawah bab ini akan berada di bawah bab sebelumnya iaitu باب فضل الصلاة لوقتها. Kalau begitu, benar jugalah pendapat kumpulan pertama tadi.

“Apa katamu sekiranya di hadapan pintu (rumah) seseorang daripada kamu ada sungai. Dia mandi di sungai itu lima kali setiap hari. Masihkah ada lagi kekotoran melekat di tubuhnya?” Mereka (para sahabat) menjawab: “Sedikit pun tidak akan ada lagi.” Baginda terus bersabda: “Begitulah perumpamaan sembahyang lima waktu. Allah hapuskan dengannya dosa-dosa.”⁸⁹⁷

⁸⁹⁷ Sembahyang lima waktu diumpamakan dengan mandi di sungai sebanyak lima kali sehari oleh Rasulullah s.a.w. Secara zahirnya mandi sebanyak lima kali sehari itu tentu akan menanggalkan segala kekotoran di badan seseorang. Sembahyang lima waktu juga secara zahirnya akan dapat menanggalkan segala dosa yang dilakukan, sama ada kecil atau besar. Perumpamaan atau tasybih yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. di sini ialah tasybih tamtsil. Dilihat dari sudut yang lain pula, ia merupakan تشبيه المعقول بالمحسوس (mengumpamakan / membandingkan sesuatu yang hanya dapat ditanggap oleh 'aql dengan sesuatu yang dapat dikesan dengan deria lahir). Kata Hafiz Ibnu Hajar: “Golongan Murji'ah menjadikan zahir hadits ini sebagai hujah mereka tentang terhapusnya segala dosa, baik kecil mahupun besar dengan sebab perbuatan-perbuatan baik seperti sembahyang lima waktu. Sedangkan jumhur Ahli as-Sunnah berpendapat, amalan-amalan baik seperti itu hanyalah dapat menghapuskan dosa-dosa kecil sahaja. Alasan mereka ialah hadits-hadits mutlaq seperti ini seharusnya dipakai dengan ma'na hadits-hadits lain yang muqaiyyad (yang berqaid).” Qaedah yang disebut Hafiz Ibnu Hajar itulah yang diguna pakai oleh kebanyakan tokoh-tokoh 'ulama' Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah, di mana mereka mengatakan hadits-hadits yang menyebutkan tentang penghapusan dosa-dosa secara mutlaq seperti di dalam hadits ini seharusnya dihadkan setakat dosa-dosa kecil sahaja. Ini kerana terdapat sekian banyak keterangan daripada ayat-ayat al-Qur'an dan al-hadits yang menghaddkannya setakat dosa-dosa kecil sahaja. Sila lihat kembali keterangan di bawah nota: 881 dan 890 yang lalu. Jika difikirkan kepada kekotoran yang mungkin ada di tubuh seseorang yang hendak mandi itu pula tidak sama dan berbagai-bagai bentuknya, tentulah dapat kita simpulkan bahawa bukan semua kekotoran dapat dihilangkan dengan mudah. Yang dapat hilang dengan mandi semata-mata tanpa menggosok badan dengan bersungguh-sungguh dan menggunakan sabun misalnya hanyalah kekotoran-kekotoran seperti debu, peluh dan sebagainya. Adapun kalau kekotoran yang melekat di tubuh itu kekotoran yang berat seperti cat dan daki mati misalnya, sudah tentu ia tidak akan tanggal dengan mandi semata-mata. Bahkan ia tidak akan hilang dengan menggunakan sabun sekalipun. Jadi daripada perumpamaan Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas itu tidak seharusnya difahami bahawa amalan-amalan seperti sembahyang lima waktu dapat menghapuskan segala dosa. Keadaan orang yang mandi juga tidak sama. Ada yang mandi sekadar mengangkat hadats kalau ia berjunub atau sekadar menyejukkan dan menyegarkan badan kalau ia tidak berhadats. Sudah tentulah kesan mandinya tidak sama dengan mandi seseorang yang menggosok badannya dengan bersungguh-sungguh. Ditambah pula dengan menggunakan sabun dan pelbagai pencuci serta pewangi yang lain. Oleh itu tidak wajar sama sekali kita mengatakan amalan-amalan kebaikan seperti sembahyang lima waktu itu dapat menghapuskan segala dosa, sama ada kecil mahupun besar dalam semua keadaan. Bagaimanapun ia pasti dapat menghapuskan dosa-dosa kecil. Demikianlah terserlah kebenaran pendapat jumhur Ahli as-Sunnah yang dikemukakan tadi. Menurut as-Sindi, sebabnya perumpamaan sembahyang lima waktu dengan sungai yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w. itu difahami 'ulama' sebagai menghapuskan dosa-dosa kecil sahaja ialah sepertimana sungai dapat menghapuskan kotoran luaran sahaja, ia tidak dapat menghilangkan kotoran dalaman, begitulah juga dengan sembahyang lima waktu, ia hanya dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang kesannya tidak melekat di dalam

hati. Hakikat ini dapat difahami daripada sebuah hadits Baginda s.a.w. yang menggambarkan dosa-dosa kecil itu keluar menerusi hujung-hujung anggota wudhu'. Apabila seseorang berwudhu', ia mengalir keluar bersama-sama air wudhu'. Berikut ialah haditsnya: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ أَوْ الْمُؤْمِنُ فَعَسَلَ وَجْهَهُ خَرَجَتْ مِنْ وَجْهِهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ نَظَرَ إِلَيْهَا بِعَيْنَيْهِ مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ فَإِذَا غَسَلَ يَدَيْهِ خَرَجَتْ مِنْ يَدَيْهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ بَطَشَتْهَا يَدَاهُ مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ فَإِذَا غَسَلَ رِجْلَيْهِ خَرَجَتْ كُلُّ خَطِيئَةٍ مَسَّتْهَا رِجْلَاهُ مَعَ الْمَاءِ أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ حَتَّى يَخْرُجَ نَقِيًّا مِنَ الذُّنُوبِ Bermaksud: Apabila seseorang hamba muslim (orang muslim) atau (katanya) hamba mu'min (orang mu'min) berwudhu', lalu dia membasuh mukanya, maka keluarlah daripada mukanya segala kesalahan yang dilihat dengan kedua matanya bersama-sama air atau bersama-sama titisan terakhir air. Apabila dia membasuh kedua belah tangannya, keluarlah daripada kedua belah tangannya itu segala kesalahan yang dilakukan oleh dua tangannya bersama-sama air atau bersama-sama titisan terakhir air. Apabila dia membasuh kedua belah kakinya (pula), keluarlah segala dosa yang dilakukan oleh kedua belah kakinya bersama-sama air atau bersama-sama titisan terakhir air, sehingga dia keluar dalam keadaan suci daripada dosa-dosa." (Hadits riwayat Muslim, Ibnu Khuzaimah, Abu 'Awaanah, Malik, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Baihaqi dan Tirmizi. Imam Tirmizi menghukum hadits ini hasan sahih). Adapun dosa-dosa besar, ia melibatkan anggota dalaman dan ia melekat di dalam hati manusia. Hakikat ini dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sebuah hadits, di mana Baginda s.a.w. menggambarkan apabila seseorang manusia itu melakukan satu dosa besar, terhasillah kerananya satu bintik hitam di dalam hatinya. Inilah lafaz hadits berkenaan: عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا أَخْطَأَ خَطِيئَةً نَكَثَتْ فِي قَلْبِهِ نَكْثَةً سَوْدَاءٌ فَإِذَا هُوَ نَزَعَ وَاسْتَغْفَرَ وَتَابَ صُقِلَ قَلْبُهُ وَإِنْ عَادَ زِيدَ فِيهَا حَتَّى تَعْلُوَ قَلْبُهُ وَهُوَ الرَّأْيُ الَّذِي ذَكَرَ اللَّهُ كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ Bermaksud: Apabila hamba (manusia) melakukan sesuatu dosa, terhasillah satu bintik hitam di dalam hatinya. Kalau ia berhenti, beristighfar dan bertaubat, berkilat semulalah hatinya. Dan kalau ia mengulangi semula dosa yang sama, semakin bertambahlah bintik-bintik hitam itu. Bintik-bintik hitam itulah "raan" yang disebut oleh Allah di dalam firmanNya: كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ Bermaksud: (Sebenarnya ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan ma'shiat) yang mereka kerjakan. (al-Muthaffifin: 14). (Hadits riwayat Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Haakim dan Baihaqi di dalam Syu'ab al-Imaan. Tirmizi menghukum hadits ini hasan sahih). Demikianlah sifat dosa besar itu, ia menyelaputi hati manusia. Dan untuk membersihkan hati, semestinya seseorang itu bertaubat dengan bersungguh-sungguh. Hafiz Ibnu Hajar menukulkan jawapan gurunya al-Bulqini tentang satu kemusykilan yang timbul dalam bab ini, iaitu apakah yang akan dikaffarahkan (dihapuskan) oleh sembahyang kalau diterima dosa-dosa kecil itu terhapus dengan semata-mata kita menjauhi dosa-dosa besar? Jawab al-Bulqini, manusia itu terbahagi kepada beberapa kumpulan dalam bab ini. (1) Orang-orang yang langsung tidak berdosa, sama ada kecil mahupun besar. Sembahyang dan lain-lain amalan kebajikan menaikkan darjat mereka. (2) Orang-orang yang melakukan dosa-dosa kecil sahaja. Itu pun tidak dilakukan mereka secara berterusan. Dosa-dosa kecil orang-orang seperti inilah terhapus dengan semata-mata mereka menjauhi dosa-dosa besar sepanjang hayat. (3) Orang-orang yang sentiasa melakukan dosa-dosa kecil. Dosa-dosa kecil orang-orang seperti inilah yang terhapus dengan amal saleh seperti sembahyang dan puasa. Sama ada puasa itu fardhu atau sunat seperti puasa pada hari 'Arafah atau hari 'Aasyura'. (4) Orang-orang yang melakukan dosa besar dan dosa kecil kedua-duanya sekali. Amal saleh yang dikerjakan oleh orang-orang seperti ini hanyalah dapat menghapuskan dosa-dosa kecil sahaja. (5) Orang-orang yang berdosa besar sahaja. Dengan mengerjakan amal saleh, dosa-dosa besarnya yang terhapus, hanyalah sekadar dosa-dosa kecilnya yang terhapus jika diandaikan ia ada. **Muslim, Tirmizi, Nasaa'i, Ahmad, Daarimi, Ibnu Hibbaan dan Abu 'Awaanah** juga turut meriwayatkan hadits ini di dalam kitab-kitab mereka. **Antara pengajaran, pedoman dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan membandingkan sesuatu yang ma'qul (sesuatu yang hanya dapat ditanggapi 'aql) dengan sesuatu yang mahsus (sesuatu yang dapat dikesan oleh deria lahir). (2) Nabi s.a.w. selalu

membuat perbandingan dan perumpamaan dalam usaha memahamkan sesuatu ajaran agama. Dalam hal ini Nabi s.a.w. sebenarnya telah mengikuti gaya bahasa al-Qur'an. (3) Kekotoran dan dosa ada banyak peringkatnya. Ada yang mudah ditanggalkan dan ada juga yang sukar. (4) Ada keadaan-keadaan tertentu yang membuatkan tubuh badan kita menjadi kotor dan berdaki. Ada pula keadaan-keadaan dan benda-benda tertentu yang dapat menghilangkan kekotoran-kekotoran itu. Begitu juga dengan kerja-kerja yang dibuat oleh manusia, ada yang mendatangkan dosa dan ada pula yang menghapuskannya. (5) Mandi di sungai tidak semestinya dengan berkumpul atau berjama'ah. Ia boleh juga dilakukan secara bersendirian. Dalam kedua-dua keadaan itu, ia tetap membersihkan tubuh badan seseorang. Demikianlah juga dengan sembahyang lima waktu. Untuk menghapuskan dosa, tidaklah disyaratkan ia dikerjakan secara berjama'ah. Sembahyang fardhu lima waktu yang dikerjakan secara bersendirian juga dapat menghapuskan dosa-dosa. Inilah yang difahami Bukhari. Beliau telah memasukkan di dalam tajuk bab di atas apa yang difahaminya itu. (6) Untuk menjaga kebersihan tubuh badan dan mengekalkan kesihatan, betapa perlunya manusia kepada air. Begitulah juga dengan amal saleh. Manusia memerlukannya untuk menjaga kesucian jiwa dan mengekalkan kesejahteraan. (7) Seseorang tidak sepatutnya malas menggunakan sesuatu yang diperolehinya secara percuma dan mudah. Apalagi kalau kelebihan, keuntungan dan khasiat yang akan diperolehi daripadanya amat besar. (8) Keharusan mandi beberapa kali tiap-tiap hari. Sama ada untuk menjaga kebersihan tubuh badan, mendapat kesegaran atau untuk maksud-maksud yang lain lagi. (9) Para sahabat sentiasa mendapat pengajaran dan bimbingan daripada Rasulullah s.a.w. (10) Dalam pengajaran, selalu juga Rasulullah s.a.w. menggunakan metode soal jawab. (11) Kelebihan sembahyang fardhu lima waktu.

⁸⁹⁸ Tajuk bab ini hanya terdapat di dalam riwayat al-Hamawi dan al-Kusymayhani sahaja. Demikian kata Hafiz Ibnu Hajar. Antara tujuan Imam Bukhari mengadakan bab ini ialah: (1) Membuktikan kelebihan sembahyang pada waktunya dengan menyebutkan lawannya iaitu kejelikan tidak bersembahyang langsung atau bersembahyang di luar waktu yang ditentukan. Bersembahyang pada waktu yang ditentukan mempunyai banyak sekali kelebihannya. Antara kelebihannya yang paling ketara ialah ia menghapuskan dosa. Lawannya pula ialah langsung tidak bersembahyang atau bersembahyang di luar waktu dengan sengaja. Ia bukan sekadar tidak menepati sunnah Nabi s.a.w. dan tidak dapat menghapuskan dosa, malah sebaliknya mendatangkan dosa. Selalu juga Bukhari menyabitkan sesuatu perkara dengan mengemukakan lawannya. Ia bahkan merupakan salah satu usul penting yang diguna pakai oleh Bukhari dalam membentuk tajuk babnya. Dalam senarai "Usul Tarjamatil Bab Bukhari" yang disusun oleh Syekhul Hadits Maulana Muhammad Zakariya, ذكر الأضداد (menyebutkan lawan) merupakan usul keenam puluh sembilan. (2) Menerusi tajuk bab ini beliau mahu mengisytarkan kepada akibat mengabaikan sembahyang seperti telah disebut Allah di dalam firmanNya ini:

خَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسُوفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴿٨٩﴾

Bermaksud: kemudian mereka diganti oleh keturunan-keturunan yang mengabaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan ma'shiat); maka mereka kelak akan menghadapi 'azab (di dalam neraka). (Maryam:59). (3) Menjelaskan maksud إضاعة الصلاة atau تضييع الصلاة (mengabaikan sembahyang) yang tersebut di dalam al-Qur'an dan hadits-hadits. Ia membawa beberapa erti. (1) Meninggalkan langsung (terus) sembahyang. (2) Melewat-lewatkan sembahyang daripada waktunya yang afdhal. (3) Melewat-lewatkannya daripada waktu harus atau selalu bersembahyang pada waktu makruh. Apa yang dilakukan oleh sesetengah pemimpin

٤٩٨ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا مَهْدِيُّ عَنْ غَيْلَانَ عَنْ أَنَسٍ قَالَ مَا أَعْرِفُ شَيْئًا بِمَّا كَانَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قِيلَ الصَّلَاةُ قَالَ أَلَيْسَ ضَبَعُكُمْ مَا ضَبَعُكُمْ فِيهَا

498- Musa bin Isma'il (al-Manqari at-Tabuzki) meriwayatkan kepada kami, katanya: Mahdi (bin Maimun m.172H) meriwayatkan kepada kami daripada Ghailan (bin Jarir al-Ma'wali) daripada Anas (bin Malik), katanya: "Saya tidak mengetahui sesuatu yang pernah saya ketahui ada di zaman Nabi s.a.w. (masih ada lagi sekarang ini)."⁸⁹⁹ Beliau

Bani Umaiyyah itu sebenarnya tidaklah sampai mereka bersembahyang di luar waktu atau langsung tidak bersembahyang atau selalu bersembahyang pada waktu makruh. Mereka hanya telah lewat-lewatkan sembahyang daripada waktunya yang afdhal. Oleh kerana sikap sesetengah sahabat seperti Anas bin Malik sangat keras dalam soal ini, mereka tidak dapat menerima juga perbuatan pemimpin yang mengabaikan sembahyang sehingga berlalu waktu sembahyang yang afdhal menurut pengetahuan dan pandangan mereka. Tetapi jika dilihat kepada khilaf yang berlaku di kalangan para imam mujtahidin semenjak zaman sahabat lagi, jelas sekali bahawa mereka masih khilaf tentang waktu-waktu sembahyang yang afdhal itu. Sebagai contoh waktu afdhal untuk sembahyang Subuh menurut Ibnu Mas'ud r.a. dan kemudiannya dipegang dan diamalkan oleh Imam Abu Hanifah dan lain-lain ialah waktu isfaar (cerah tanah). Waktu afdhal untuk sembahyang 'Ashar pula bagi mereka ialah agak lewat iaitu ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Pendek kata waktu afdhal bagi mereka untuk sembahyang-sembahyang itu bukanlah di awal waktu. Jadi adalah tidak wajar sama sekali memandang serong terhadap pemimpin-pemimpin kerajaan Bani Umaiyyah, semata-mata kerana adanya hadits Anas yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. Tidak masuk 'aqal sama sekali mereka secara keseluruhannya, bermula daripada khalifah hingga kepada pemimpin-pemimpin bawahan mengabaikan perintah-perintah agama sebegitu rupa sehingga tidak ada lagi ajaran agama yang dilaksanakan selain sembahyang. Sembahyang itu pun dikerjakan mereka di luar waktu. Malah berdasarkan riwayat Ibnu Sa'ad, yang tinggal hanyalah ucapan syahadah. Maksudnya ialah orang-orang Islam pada masa itu hanyalah Islam pada nama sahaja. Ke mana perginya ramai lagi sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang masih hidup pada ketika itu? Kenapa tidak ada pula riwayat-riwayat seperti ini dinukilkan daripada mereka? Mereka bahkan hidup dengan selesa dan tenang mengamalkan ajaran-ajaran agama di mana-mana pun termasuk di Syam. Kalau apa yang tersebut di dalam hadits Anas itu memang telah benar-benar berlaku, tentulah mereka tidak akan berdiam diri dan membisu seribu bahasa terhadap kemungkaran-kemungkaran yang berlaku dengan teruk sekali itu! Tentulah riwayat-riwayat mereka juga terdapat di dalam kitab-kitab hadits. Maka semestinya hadits Anas di bawah bab ini dita'wil dengan mengatakan misalnya, kata-kata beliau itu termasuk dalam bab mubalaghah, taghliz atau berdasarkan kefahaman beliau sendiri. Sedangkan pihak pemerintah pula mempunyai alasan mereka yang tersendiri. Patutlah para sahabat yang lain dan imam-imam ummat pada ketika itu tidak menegur perbuatan mereka.⁸⁹⁹ Menurut riwayat Ibnu Sa'ad seperti yang dinukilkan oleh Hafiz Ibnu Hajar, terdapat sedikit tambahan selepas ini iaitu *إلا شهادة أن لا إله إلا الله* (kecuali kesaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah).

ditanya orang: “Sembahyang?”⁹⁰⁰ Katanya: “Bukankah kamu telah mengabaikannya sedemikian rupa?”⁹⁰¹

⁹⁰⁰ Menurut riwayat Ahmad di dalam Musnadnya, orang yang bertanya Anas di sini ialah Abu Raafi'. Sila lihat riwayat itu bersama-sama sanadnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا رَوْحُ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ سَعْدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ مَا أَعْرِفُ شَيْئًا مِمَّا عَاهَدْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْيَوْمَ فَقَالَ أَبُو بَرَمَكْسُودُ: كَذَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَافِعٌ يَا أَبَا حَمْزَةَ وَلَا الصَّلَاةَ فَقَالَ أَوْلَيْتَ قَدْ عَلِمْتُ مَا صَنَعَ الْحَجَّاجُ فِي الصَّلَاةِ Bermaksud: Kata Anas bin Malik: “Saya tidak mengetahui sesuatu yang pernah saya ketahui ada di zaman Rasulullah s.a.w. dahulu masih ada lagi hari ini.” Abu Raafi' lantas bertanya: “Wahai Aba Hamzah, sembahyang pun tidak?” Kata Anas: “Bukankah engkau tahu apa yang telah dilakukan oleh Hajjaaj terhadap sembahyang?” (Hadits riwayat Ahmad di dalam Musnadnya. Lihat Musnad Ahmad j.26 m/s 238). Tak kisahlah siapa pun yang bertanya. Yang jelasnya ialah hadits ini dha'if kerana terdapat di dalam isnadnya 'Utsman bin Sa'ad. Yahya bin Sa'id al-Qatthaan, Yahya bin Ma'in, Abu Zur'ah, Nasaa'i, Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain mengatakan dia seorang yang dha'if.

⁹⁰¹ Hafiz Ibnu Hajar menukilkan satu riwayat daripada Thabaqaat Ibnu Sa'ad yang menyatakan sebab kenapa Anas bin Malik berkata begini. Kata beliau, Ibnu Sa'ad telah mengemukakan di bawah biografi Anas satu riwayat melalui saluran riwayat 'Abdur Rahman bin al-'Uryaan al-Haritsi, katanya: Saya telah mendengar Tsabit al-Bunaani menceritakan. Lihat teksnya:

قال كنا مع أنس بن مالك فأخبر الحاجج الصلاة فقام أنس يريد أن يكلمه فيها إخوانه شفقة عليه منه فخرج فركب دابته فقال في مسيره ذلك والله ما أعرف شيئا مما كنا عليه على عهد النبي صلى الله عليه وسلم إلا شهادة أن لا إله إلا الله فقال رجل فالصلاة يا أبا حمزة قال قد جعلتم الظهر عند المغرب أفنك كانت صلاة رسول الله صلى الله عليه وسلم وأخرجه بن أبي عمر في مسنده من طريق حماد عن ثابت Bermaksud: Kata Tsabit al-Bunaani: “Pernah kami bersama Anas bin Malik. Oleh al-Hajjaaj diperlewat-lewatkannya sembahyang. Anas bangun untuk menegurnya, tetapi saudara-mara beliau menegahinya kerana mereka bimbang beliau akan dihukum al-Hajjaaj. Kemudian Anas keluar dengan kenderaannya. Dalam perjalanannya itu beliau berkata: “Demi Allah! Saya tidak mengetahui sesuatu yang pernah saya ketahui ada di zaman Nabi s.a.w. dahulu masih ada lagi hari ini kecuali kesaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah.” Lantas beliau ditanya oleh seorang lelaki: “Sembahyang (bagaimana) wahai Aba Hamzah?” Kata Anas: “Kamu telah mengerjakan sembahyang Zohor dekat (waktu) Maghrib. Begitukah caranya sembahyang Rasulullah s.a.w.?” (Kata Hafiz Ibnu Hajar): “Hadits ini diriwayatkan juga oleh Ibnu Abi 'Umar di dalam Musnadnya melalui saluran riwayat Hammad daripada Tsabit secara ringkas.” (Lihat Fathu al-Baari j.2 m/s 13).

Melalui riwayat ini dapat dikesan beberapa perkara berikut: (1) Siapa orangnya yang melewat-lewatkan sembahyang itu. (2) Anas hendak menegur al-Hajjaaj, tetapi saudara-mara beliau menahannya kerana takut dihukum oleh al-Hajjaaj. Ia secara tidak langsung menunjukkan kezaliman dan kekejaman al-Hajjaaj diketahui umum. (3) Berdasarkan riwayat yang lain dapat diketahui bahawa Anas keluar dengan kenderaannya untuk pergi ke Syam. Tujuannya ialah mengadukan hal Hajjaaj yang suka melewat-lewatkan sembahyang kepada khalifah pada masa itu iaitu al-Walid bin 'Abdul Malik. Berdasarkan riwayat Anas selepas ini iaitu riwayat no:499, Anas berasa amat kecewa kerana setelah pergi ke Syam beliau mendapati orang-orang di sana juga tidak bersembahyang pada waktunya. Keadaan inilah yang membuatkan beliau menangis. (4) Menurut Anas berdasarkan hadits ini, masyarakat Islam pada ketika itu telah berubah sama sekali daripada keadaan mereka semasa Rasulullah s.a.w. masih hidup. Tidak ada apa pun yang beliau ketahui diamalkan di zaman Rasulullah s.a.w. masih diamalkan lagi pada masa itu selain ucapan dua kalimah syahadah. Sembahyang pun tidak dikerjakan pada waktunya. Pendek kata orang-orang Islam pada masa itu tidak mengamalkan lagi ajaran Islam yang sebenarnya. **Puas penulis mencari riwayat yang dinukilkan oleh Hafiz Ibnu Hajar daripada kitab Thabaqaat ini di dalam kitab asalnya at-Thabaqaat al-Kubra. Ia tidak ditemui. Hadits ini tidak dapat dikesan penulis**

dalam kedua-dua edisinya. Edisi Maktabah Syamilah terbitan Dar Shadir, Beirut dan juga edisi Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut. Kebanyakan pensyarah kitab-kitab hadits mengemukakan nukilan Hafiz Ibnu Hajar itu di dalam kitab mereka masing-masing. Sebagai contohnya al-Qasthallani di dalam Irsyad as-Saari, Maulana Mubarakpuri di dalam Tuhfatu al-Ahwazi dan Maulana Zakariya di dalam Hasyiah Laami' ad-Daraari. Begitulah nukilan atas nukilan telah berlaku sejak zaman berzaman. Mungkin naskhah at-Thabaqaat al-Kubra yang dipakai Hafiz Ibnu Hajar itu berbeza daripada naskhah-naskhah yang tersebar dengan meluas hari ini. Bagaimanapun kewujudan riwayat itu di dalam Thabaqaat Ibnu Sa'ad tetap boleh diragui. Jika diandaikan ia memang wujud di dalam at-Thabaqaat al-Kubra sekalipun, tetap juga ia tidak boleh dijadikan hujjah. Lantaran jelas sekali kedha'ifan dan kemungkarannya. Bagi penulis, hadits-hadits seperti ini sebenarnya adalah rekaan musuh-musuh kerajaan Bani Umaiyah dan orang-orang yang benci kepada pemimpin-pemimpin mereka terutamanya al-Hajjaaj. Ingatlah kepada kesimpulan yang telah dibuat oleh Imam Ibnu al-Qayyim hasil daripada penelitian beliau terhadap hadits-hadits maudhu', bahawa: **وكل حديث في ذم بني أمية فهو كذب** Bermaksud: Setiap hadits yang mencela Bani Umaiyah adalah dusta. Kata beliau lagi: **وذلك أحاديث ذم الوليد وذم مروان بن الحكم** Bermaksud: Demikian juga dengan hadits-hadits yang mencela al-Walid dan Marwaan bin al-Hakam. Ibnu Batthaal menukilkan kata-kata al-Muhallab bahawa maksud Anas dengan kata-kata beliau: **وَهَذِهِ الصَّلَاةُ قَدْ ضَيَّعَتْ وَأَلَيْسَ ضَيَّعْتُ مَا ضَيَّعْتُمْ فِيهَا** dan itu ialah mereka melewatkan sembahyang daripada waktunya yang mustahab (afdhal). Ia tidak bererti mereka bersembahyang di luar waktu sama sekali. Kata al-Muhallab lagi: "Demi Allah! Mereka tidak mengabaikan sembahyang dengan erti meninggalkannya terus. Kalau begitulah yang dilakukan, niscaya jadi kafirlah mereka. Apa yang berlaku sebenarnya ialah mereka melewatkan sembahyang daripada waktunya yang mustahab." Antara tokoh hadits yang sependapat dengan al-Muhallab dalam masalah ini ialah Imam Nawawi di dalam Syarah Muslim, Ibnu Ruslaan di dalam Syarah Abi Daudnya dan Syeikh Khalil Ahmad Saharanpuri juga di dalam Syarah Abi Daudnya Bazlul Majhud. Imam Nawawi, Ibnu Ruslaan dan Syeikh Khalil Ahmad berpendapat, menganggap para pemimpin kerajaan Bani Umaiyah bersembahyang di luar waktu adalah bercanggah sama sekali dengan kenyataan. Tidak ada siapa pun antara mereka melakukan demikian. Maka hadits-hadits seperti hadits Anas ini handaklah dipakai dengan ma'na yang tidak bercanggah dengan kenyataan. Ia seharusnya difahami dengan ma'na mereka melewatkan sembahyang daripada waktunya yang mustahab atau mukhtar sahaja. Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Pendapat al-Muhallab ini disokong oleh sekumpulan besar 'ulama'. Ia selain tidak bersesuaian dengan tajuk bab, bertentangan pula dengan kenyataan. Mereka bukan sahaja melewat-lewatkan sembahyang, malah telah mengerjakannya di luar waktu. Cerita ini memang masyhur di kalangan orang ramai dan ada pula riwayat-riwayat sahih yang membuktikan kebenarannya. Inilah sebenarnya kenyataan yang telah berlaku." Kemudian Hafiz Ibnu Hajar mengemukakan beberapa riwayat (atsar) untuk menyokong da'waannya. (1) **عَدِ الرَّزَاقُ عَنْ عَطَاءٍ قَالَ أَخْرَجَ الْوَلِيدُ الْجُمُعَةَ حَتَّى أَمْسَى فَجَنَّتْ فَصَلَّيْتُ الظُّهْرَ قَبْلَ أَنْ أَجْلِسَ ثُمَّ صَلَّيْتُ الْعَصْرَ وَأَنَا** Bermaksud: Kata 'Athaa': "Pernah al-Walid melewatkan sembahyang Juma'at hingga ke petang. Setelah sampai (ke tempa sembahyang), saya terus bersembahyang Zohor sebelum duduk. Kemudian bersembahyang pula 'Ashar sambil duduk secara isyarat. Ketika itu al-Walid sedang berkhotbah. Sebabnya 'Athaa' melakukan demikian ialah kerana takut akan dibunuh. **فَإِنْ خَشِيَ أَنْ يُقْتَلَ** Puas penulis mencari riwayat 'Abdur Razzaaq dengan lafaz yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar itu. Tetapi tidak ditemui. Yang penulis temui ialah dengan lafaz berikut: **عَدِ الرَّزَاقُ عَنْ بَنِي جَرِيحٍ عَنْ عَطَاءٍ قَالَ أَخْرَجَ الْوَلِيدُ مَرَّةً الْجُمُعَةَ حَتَّى أَمْسَى قَالَ فَصَلَّيْتُ الظُّهْرَ قَبْلَ أَنْ أَجْلِسَ ثُمَّ صَلَّيْتُ الْعَصْرَ وَأَنَا جَالِسٌ وَهُوَ يَخْطُبُ قَالَ أَضَعُ يَدَيَّ عَلَى رُكْبَتِي وَأَوْمِئُ بِرَأْسِي** Bermaksud: Kata 'Athaa': "Pernah sekali al-Walid melewatkan sembahyang Juma'at hingga ke petang. Kata 'Athaa' lagi: "Maka saya terus bersembahyang Zohor sebelum duduk. Kemudian bersembahyang pula 'Ashar sambil duduk. Kata 'Athaa' seterusnya: "Saya letakkan kedua tangan saya di atas

kedua lutut dan mengisyaratkan dengan kepala.” Jika diteliti, niscaya banyaklah terdapat perbedaan di antara dua riwayat itu. Sebagai perbandingan, penulis akan menunjukkan beberapa sudut perbedaannya: (a) Riwayat pertama menampilkan seolah-olahnya melewati sembahyang Juma’at itu sudah menjadi kebiasaan khalifah al-Walid bin ‘Abdul Malik. Sedangkan riwayat kedua menjelaskan bahawa keadaan itu telah berlaku hanya sekali sahaja. (b) Perkataan حتى أمسى (hingga ke petang) tidak jelas menunjukkan khalifah al-Walid telah bersembahyang Juma’at setelah habis waktu Zohor. Perkataan مساء bererti petang atau jangka waktu yang memanjang daripada waktu Zohor sampai kepada waktu Maghrib atau sehingga ke pertengahan malam. Bagaimanapun keterangan ‘Athaa’ selepas itu menunjukkan khalifah al-Walid masih berkhotbah setelah masuk waktu ‘Ashar. Kalau pada waktu ‘Ashar khutbah Juma’at belum selesai, tentulah sembahyang Juma’at dikerjakan di luar waktunya. Sebab itulah beliau bersembahyang ‘Ashar sambil duduk. (c) Riwayat ‘Abdur Razzaaq yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar jelas mudraj, kerana tersebut di akhirnya sebab kenapa ‘Athaa’ berbuat begitu. Ayat terakhir riwayat berkenaan ialah: وإنما فعل ذلك عطاء خوفاً على نفسه من القتل (Sebabnya ‘Athaa’ melakukan demikian ialah kerana takut akan dibunuh). Tentu sekali ia bukan kata-kata ‘Athaa’. Kalau begitu siapa agaknya yang mengungkapkan ayat terakhir itu? Padahal lafaz terakhir riwayat ‘Abdur Razzaaq yang sebenarnya bukan begitu, tetapi begini: قال أضع يدي على ركبتي وأومئ برأسي (Saya letakkan kedua tangan saya di atas kedua lutut dan mengisyaratkan dengan kepala). Lalu lafaz riwayat siapakah yang harus dipegang? Lafaz riwayat yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajarkah atau lafaz tuan riwayat yang sebenarnya?? (d) Riwayat ‘Abdur Razzaaq yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar menampilkan pemerintah pada masa itu sangat zalim dan kejam. Sso yang tidak turut bersembahyang bersama pemimpin di luar waktu sembahyang yang tertentu, mungkin sekali dihukum bunuh! Kenapa begitu jauh sekali perbedaan di antara riwayat ‘Abdur Razzaaq yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar itu dengan riwayat ‘Abdur Razzaaq sendiri di dalam Mushannafnya? Penulis mengandaikan dua sebabnya. Pertama: Nuskah Mushannaf yang dipakai Hafiz Ibnu Hajar jauh berbeza daripada nuskah-nuskahnya yang tersebar dengan meluas hari ini. Kedua: Hafiz Ibnu Hajar telah meriwayatkannya dengan ma’na bukan dengan lafaz asal riwayat itu. Kalau andaian pertama benar, maka tidak ada lagi nuskah Mushannaf yang harus dan boleh dipercayai. Kalau andaian kedua pula yang benar, maka kesilapan besar telah dilakukan oleh Hafiz Ibnu Hajar. Kerana dengan sebabnya seorang pemimpin yang adil dan saleh akan dianggap sebagai zalim dan fasiq. Pemimpin dari kalangan Bani Umaiyah yang paling cemerlang zaman pemerintahannya akan dianggap sebagai pemimpin yang paling teruk. Bagi penulis, semua ini adalah permainan jahat musuh-musuh kerajaan Bani Umaiyah. Kerja mereka tiada lain selain daripada memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin kerajaan itu. Malang betul apabila seorang ‘alim yang hebat seperti Hafiz Ibnu Hajar juga turut terpedaya dengan propaganda mereka. Andai kata riwayat sebenar ‘Abdur Razzaaq memang tepat seperti yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar sekalipun, riwayat itu tidak seharusnya diterima. Kerana ia hanya diperkenalkan oleh seorang perawi Syi’ah seperti ‘Abdur Razzaaq. Bukankah riwayat ahli bid’ah yang menyokong bid’ah dan fahamannya mesti ditolak? Kebencian golongan Syi’ah terhadap sahabat dan kerajaan Bani Umaiyah adalah sesuatu yang tidak tersembunyi kepada sesiapa pun yang mengetahui sejarah mereka. Bukankah hampir kesemua pengarang kitab-kitab hadits yang utama termasuk Imam Bukhari dan Muslim, memasukkan riwayat ‘Abdur Razzaaq di dalam kitab-kitab mereka. Soalnya kenapa mereka tidak memasukkan juga hadits ini ke dalam kitab-kitab itu? Sudah tentulah kerana ia tidak menepati piawaian yang diterima mereka. (2) Atsar kedua, ketiga dan keempat yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar untuk membuktikan kebenaran da’waannya ialah atsar-atsar yang diriwayatkan oleh Abu Nu’aim, guru Imam Bukhari di dalam Kitab as-Shalahnya melalui saluran riwayat Abi Bakr bin ‘Utbah, katanya: أخر الصلاة ترك أن يشهدا معه ومن طريق محمد بن أبي إسحاق قال كنت بمنى وصحف تقرأ للوليد فأخروا الصلاة فنظرت إلى سعيد